

Cabaran berganda OKU bergelar graduan

Kuala Nerus: "Jika cabaran individu normal satu atau dua kali ganda untuk menggapai kejayaan namun bagi saya khasnya yang bergelar orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan memerlukan usaha lebih daripada itu," kata Nurul Najwa Khai-runnisah Hassim dari Kampung Kepong, dekat sini.

Nurul Najwa, 29, yang menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2020 berkata, dia mengalami kecacatan itu sejak dilahirkan.

Menurutnya, dia bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Kubang Ikan, Chendering, Kuala Terengganu sebelum meneruskan alam persekolahan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Besar, Kuala Terengganu.

"Kemudiannya saya meneruskan persekolahan di

SMK St John (M), Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pengajian di UPM namun cabaran berganda perlu saya lalui kerana di sana kemudahan untuk golongan OKU penglihatan tidak begitu meluas.

"Bagaimanapun, diberi pilihan untuk bertukar ke universiti lain yang lebih mesra OKU penglihatan namun saya menolaknya kerana saya berpegang pada prinsip 'saya lakukan hari ini untuk kesenangan rakan senasib pada masa depan,'" katanya.

Menurutnya, dia berbuat demikian bagi membolehkan kemudahan untuk OKU buta dapat disediakan pada masa hadapan kerana ketika dia masih menuntut pelbagai kemudahan boleh diketakan tidak begitu lengkap.

Menceritakan mengenai cabaran berganda yang perlu dilalui, Nurul Najwa berkata, bukan mudah OKU bu-

ta sepertinya melalui zaman bergelar graduan.

"Contohnya, tugas yang diberikan pensyarah perlu saya siapkan sama seperti individu normal dan bagi menyiapkan tugas saya perlu menggunakan pelbagai kaedah.

"Ia termasuklah mengepos buku rujukan kepada ibu saya (Bahani Mohd, 62) di kampung, sebelum ibu membaca buku berkenaan, kemudian mengirimitkan audio melalui aplikasi WhatsApp.

"Selain itu, menguasai penggunaan teknologi seperti komputer riba, telefon bimbit dan mesin pencetak juga amat perlu bagi meminimumkan kebergantungan kepada rakan-rakan.

"Selain itu, rakan-rakan dan kakitangan UPM juga turut membantu terutama menjadi pembaca bahan rujukan, jurupimpin untuk saya ke kuliah dan sebagai-

nya," katanya.

Sementara itu, Nurul Syahida Zainun Abidin, 25, yang berkelulusan Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional dari Universiti Malaya (UM) berkata, walaupun suasana di UM agak berbeza kerana persekitaran mesra OKU buta namun cabaran tetap ada.

"Bagaimanapun umum mengetahui UM merupakan sebuah universiti yang mengambil pelajar OKU buta berikutan mempunyai prasarana lengkap membabitkan golongan itu.

"Namun, usaha berganda perlu dilakukan kerana OKU buta tidak seperti insan normal yang boleh melakukan sebarang tugas dengan bebas dan pantas berbanding kami.

"Nak cari meja pun satu hal...apatah lagi nak menterjemah bu-

ku...nak minta rakan tolong bacakan buku...nak menaip dan bermacam lagi perlu dilakukan," katanya yang mendapat tajaan pembelajaran daripada Yayasan Sime Darby.

**“Tugas diberikan pensyarah perlu disiapkan sama seperti individu normal
Nurul Najwa**

